

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

SOALAN

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa bilangan anak-anak tanpa status warganegara berusia 18 tahun ke bawah di kawasan Miri. Berapakah permohonan untuk status warganegara yang telah direkodkan untuk kawasan Miri dan bilangan permohonan tersebut yang sudah diluluskan dalam tahun 2018 hingga Mac 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak mempunyai rekod mengenai individu tanpa kewarganegaraan (*stateless*) di Malaysia kerana pendaftaran kelahiran di JPN akan merekodkan seseorang individu dengan taraf sama ada Warganegara atau Bukan Warganegara. Perekodan taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Kaedah perekodan tersebut adalah selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahataran anak, peraturan imigresen dan lain-lain.

Ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Berhubung dengan statistik seperti mana yang dimohon oleh Ahli Yang Berhormat pula, dimaklumkan bahawa antara tahun 2018 sehingga 31 Mac 2019, JPN telah menerima sebanyak 111 permohonan kewarganegaraan bagi individu berumur bawah 21 tahun di kawasan Miri, Sarawak. Dalam tempoh yang sama, terdapat 04 permohonan bagi individu berumur bawah 21 tahun di kawasan berkenaan yang telah diluluskan.